

02/05/2001

MDC, Tecom meterai MoU

MULTIMEDIA Development Corp Sdn Bhd (MDC) memeterai memorandum persefahaman (MoU) dengan Dubai Technology, E-Commerce and Media Free Zone Authority (Tecom) bagi membuka jalan kerjasama dalam teknologi maklumat dan komunikasi (ICT).

Menerusi MoU itu, MDC, yang menerajui pembangunan dan pengurusan Koridor Raya Multimedia (MSC), dan tiga komponen Tecom iaitu Dubai Internet City (DIC), Dubai Media City dan Dubai Idea Oasis akan menerokai projek kerjasama dalam pelbagai bidang IT.

MoU itu ditandatangani Pengerusi Eksekutif MDC, Tan Sri Dr Othman Yeop Abdullah dan Ketua Pengarah Dubai Tecom, Mohammed Gergawi. Ia disaksikan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang berada di Dubai untuk lawatan dua hari.

Othman Yeop berkata, MDC dan DIC akan bekerjasama dan berkongsi pengalaman mengenai strategi dan amalan terbaik dalam memupuk industri IT.

Katanya, DIC dibangunkan agak pantas dan mempunyai lebih daripada 200 syarikat terutamanya syarikat antarabangsa berurusan dalam industri multimedia dan ICT.

Dr Mahathir turut menyaksikan MoU antara syarikat Malaysia, airportXchange (AX) dan Lapangan Terbang Antarabangsa Dubai dan DIC.

AX adalah pembekal penyelesaian pengurusan lapangan terbang bagi Lapangan Terbang Antarabangsa KL di Sepang.

Presiden AX, Suhaimee Abu Hassan, berkata MoU antara AX dan DIC membolehkan kedua-dua pertubuhan mengenal pasti bidang perniagaan berpotensi yang mana DIC akan membekalkan perkhidmatan Internet dan prasarana pengkomputerannya untuk menyertai di dalam inisiatif e-dagang AX.

(END)